

03 JAN 1999

NAJIB PERJELAS KENYATAANNYA MENGENAI MUHAMMAD

IPOH, 3 Jan (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Umno memerlukan barisan tokoh-tokoh untuk memberi sumbangan kepada kemajuan parti dan membantu Presiden parti Datuk Seri Mahathir Mohamad.

Untuk itu, katanya, Umno menyambut baik peranan yang boleh dimainkan oleh bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib.

Beliau berkata demikian sebagai membetulkan laporan yang memetik beliau sebagai berkata pada majlis berbuka puasa di kediaman Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib di sini Jumaat lepas bahawa Umno memerlukan pemimpin berwibawa seperti Muhammad untuk menguatkan barisan kepimpinannya di masa akan datang.

"Apa yang dikatakan ialah kita memerlukan barisan tokoh-tokoh kita untuk beri sumbangan kepada kemajuan parti dan untuk bantu Presiden parti.

"Kita mengalukan peranan yang boleh dimainkan oleh Tan Sri (Muhammad Haji Muhd Taib) dalam menangani cabaran di masa akan datang," kata Najib.

Selasa lepas, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur mendapati Muhammad tidak bersalah terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961.

Dr Mahathir kemudian dilaporkan berkata Muhammad, yang sedang bercuti daripada tugas parti, kini boleh bergiat semula dalam Umno.

-- BERNAMA

HK MAI